

Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

* BIL 3/2002 * 20 Rabiul Akhir - 21 Rejab/Jul-Sept 2002 *

* Edaran PERCUMA *

MAJLIS BERSAMA JABATAN DIAKTIFKAN SEMULA

Setiap manusia mempunyai naluri dan kehendak yang beza-beza malahan terdapat segelintir atau sekelompok kecil yang tidak pernah berpuas hati dengan apa yang ada apatah lagi untuk benar-benar menghargai serta berterima kasih dengan segala Kebaikan dan Kemudahan yang disediakan. Di PKINK keadaan ini tidak terkecuali.

Pada realitinya kebajikan anggota-anggota PKINK sekarang telah cukup terjaga. Kesemua ini bukanlah omong kosong kerana kebajikan anggota-anggota telah disediakan melalui penyediaan pelbagai kemudahan yang terus dinikmati sampai kini umpamanya.

- i) Kemudahan rawatan di Klinik-klinik swasta yang dilantik sebagai panel (Kemudahan yang tidak dinikmati) oleh anggota kerajaan pusat tulen mahupun negeri tulen.
- ii) Kemudahan pinjaman kenderaan bahkan subsidi tempat letak kereta.
- iii) Banyak peluang untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran dan profesional seiring hasrat kerjaya.
- iv) Penganjuran majlis-majlis tertentu dalam konteks menyemarak dan menyuburkan ikatan silaturahim sesama anggota.

Dalam konteks ini adalah wajar kita hayati pengertian sepotong ayat yang bermaksud *Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras* (Surah Ibrahim : 7)

Di PKINK sememangnya tidak ada kesatuan sekerja seperti CUEPACS dan seumpamanya. Sebagai badan perantara dan wadah kepada anggota yang ingin melahirkan kekesalan serta rasa tidak puas hati mereka. Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang langkahnya terhenti buat seketika telah digerak dan diaktifkan semula. Mesyuarat dan Perjumpaan Khas bagi tujuan tersebut telah diadakan pada 2 Julai 2002, bertempat di Bilik Operasi dan dihadiri hampir keseluruhan anggota. Berucap merasmikan majlis YAbsr. Ketua Eksekutif telah menyentuh beberapa perkara yang diantaranya ialah:-

- i) MBJ hendaklah dihidup dan diaktifkan semula demi kepentingan anggota-anggota PKINK.
- ii) MBJ merupakan satu forum untuk berbincang dan berinteraksi secara telus yakni saluran lepat untuk meluahkan masalah, membincang masalah dan menyelesaikan permasalahan tersebut tanpa mengundang masalah tambahan.
- iii) MBJ sebagai badan perantaraan dwi-fungsi yang tidak digunakan untuk mengkritik pihak pengurusan semata-mata. MBJ perlu memantau sesetengah anggota yang disiplinnya



agak longgar, tidak bertanggungjawab, tidak produktif dan sebagainya.

- iv) PKINK adalah tempat untuk kita mencari rezeki. Berhati-hati dengan segala tindak-tanduk kita, jangan sampai meludah ke langit apatah lagi muncurah pasir ke dalam perluk nasi sendiri.

Selepas ucapan perasmian tersebut, anggota-anggota PKINK telah memilih Ahli-Ahli MBJ sebagai wakil. Mereka yang dipilih adalah :

En. Rosli Ismail	Pengerusi
YBhg. Datuk Norsiah Musa	Ahli
En. Mohd. Asri Sulaiman	Ahli
En. Mohd. Rozli Mohd. Noor	Ahli
En. Aziz Mahmud	Ahli
En. Kamaruzaman Jaafar	Ahli
Cik Maniam Omar	Setiausaha

Syabas kepada semua yang dipilih kerana diberi mandat dan kepercayaan oleh anggota-anggota.

Dari Editor

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ianya mendapat pahala kebaikan yang di usahakannya, dan ia juga menanggong dosa kejahanan yang di usahakannya.

(Surah Al-Baqarah : 286)

Bertanggungjawab dan kebertanggungjawaban kita sebagai anggota merupakan denyut nadi yang menentukan hidup, mati serta maju-mundurnya organisasi yang kita dokong. Biarpun Kehendak dan ketentuan Allah sememangnya menjadi faktor utama namun perlu disedari bahawa lain-lain faktor yang menyumbang kepada sesuatu keadaan adalah sikap, peranan dan penglibatan langsung kita.

Anggota-anggota PKINK dari semua peringkat dan sebarang keadaan perlu mencerminkan diri bahkan perlu mengenali diri sendiri. Memang banyak kelemahan diri yang kita ketahui dan tidak mustahil kelemahan itu di perbaiki selagi kita sedar dan berusaha untuknya. Kebanyakan daripada kita benar-benar bertanggungjawab mempastikan gaji kita naik, elau berjalan. Yang pasti poket kita berisi sedangkan tanggungjawab kita adalah lebih besar. Setimpal dengan amanah, mandat dan kepercayaan yang kita pikul bahkan yang kita terima sebagai ganjaran, kita perlu mempastikan produktiviti kita sentiasa meningkat dan kualitinya pula sentiasa Tip-Top .

Sebagai anggota masa kini kita adalah bertanggungjawab langsung memastikan kejayaan dan kecermerlangan yang telah disumbangkan oleh anggota-anggota terdahulu dipertahan dan dipertingkatkan seadanya. Kita bertanggungjawab untuk mengembeling tenaga dan penyatuan minda sesama kita dalam konteks membina kekuatan kumpulan yang mampu bersaing dan mengekalkan tahap daya hidup organisasi agar nikmat yang kita kecapi hari ini berterusan malah akan dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

Sidang Editor

Penaung

Tuan Haji Hanifa Ahmad

Ketua Editor

Tuan Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

Tuan Haji Baharuddin Harun

Penolong Editor

Encik Ahmad Nazri Hj. Ismail

Encik Mohd Adilan Mat Jusoh

Puan Ahlaami Haji Ab. Halim

Puan Nik Farzimar Nik Omar

Encik Wan Azizan Wan Yaakub

YM Tengku Petra Tengku Wook

Encik Mohd Ramli Haji Hamzah

Jurufoto

Encik Mohd Ghazali Mahmood



Bentuk kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maherani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan.

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

5169-F Jalan Kuala Krai,

15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7485667

Faks: 09-7485687

KURSUS INDUKSI ANGGOTA BARU KUMPULAN PKINK

Setiap anggota yang baru menganggotai mana-mana organisasi atau syarikat akan mengambil sedikit masa untuk menyesuaikan diri di antara satu sama lain. Ianya diasaskan kepada beberapa faktor seperti berlaluan kategori, penempatan di bahagian-bahagian atau kedudukan pejabat tempat kerja. Sebagai usaha untuk menghapuskan sempadan dan jurang pernisah justeru mempertingkatkan persefahaman dan kerjasama Kursus Induksi Anggota-Anggota Baru Kumpulan PKINK telah diadakan. Kursus yang bermula pada 25 hingga 27 Ogos bertempat di Taman Rehlah telah dihadiri oleh 50 orang anggota baru kumpulan.

Setelah selesai urusan check-in dan makan malam, peserta yang mengikuti kursus telah mengikuti taklimat khas urusetia yang memfokuskan hasrat dan tujuan penganjuran kursus termasuklah pemberitutan kumpulan-kumpulan.

Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) berucap semasa merasmikan kursus tersebut telah menyarankan kesemua anggota baru supaya menjalinkan persefahaman dan kerjasama erat di antara satu sama lain. Bukan setakat kejayaan tetapi sebarang masalah dan kegagalan yang ditempuhi perlu dihadapi bersama dengan penuh tanggungjawab.

Bertujuan untuk memberi pendedahan langsung tentang kewujudan serta peranan setiap unit dan syarikat-syarikat dalam kumpulan, Puan Nik Farzimah Nik Omar, Penolong Pengurus Perancangan Korporat telah menyampaikan taklimat ringkas mengenai Struktur Korporat PKINK. Ini di susuli dengan taklimat mengenai Skim Perkhidmatan yang di sampaikan oleh En. Ahmad Nazri Hj. Ismail, Puan Ahlaami Hj. Abdul Halim telah mengakhiri sesi pagi tersebut dengan menyampaikan taklimat yang berkaitan dengan etika dan tata tertib. Memulakan sesi sebelah petang, para peserta yang di pecahkan kepada beberapa kumpulan telah diberi tugas khas yang memerlukan perbincangan dan persembahan. Matlamat utamanya ialah mempertingkatkan persefahaman, kerjasama dan kemesraan sesama mereka.

Pada sebelah malamnya, peserta telah mengikuti kuliah maghrib dengan kupasan tejuk Kerja dan Ibadah yang telah disampaikan oleh Ustaz Saibon Ismail dari Jabatan Agama Islam Kelantan. Persembahan kumpulan-kumpulan menyusul selepas itu dan berakhir lewat tengah malam.

Sesi hari terakhir iaitu 27 Ogos 2002 telah dikendalikan sepenuhnya oleh pakar motivasi terkenal YB. Dato' Dr. Hj. Hassan Ali yang memfokuskan ceramah *Creating High Performing Work Force Amongst New Recruits of PKINK*. Majlis penutupan kursus telah di sempurnakan oleh YABrs. Tuan Hj. Hianifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan. Antara lain, beliau mengingatkan anggota supaya tidak menganggap peluang menganggotai Kumpulan PKINK sebagai bermasib baik mereka terpilih di atas kemampuan dan kebolehan yang ada pada mereka. Kesemua peserta perlu menjadikan PKINK sebagai tempat mencari rezeki dan tempat pembinaan kerjaya. Kursus Induksi yang sememangnya singkat hanyalah sebagai salam perkenalan atau permulaan di mana pelbagai jenis kursus kemahiran akan menyusul kemudian.

Kepada semua anggota baru, semoga anda sukses bersama PKINK.



TAKLIMAT “ASEAN FREE TRADE AREA” (AFTA) ANGGOTA PENGURUSAN KUMPULAN PKINK

Pengimplementasian dan pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah begitu hampir diambil pintu malahan kehagatan cabarannya mula di rasakan. Untuk mengharungi cabaran dan mempastikan kita tidak tercincir dalam arus cabaran terbuka, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menganjurkan satu taklimat khas mengenai AFTA khusus untuk anggota-anggota Pengurusan dalam Kumpulan PKINK. Taklimat pada 25 Ogos tersebut telah dihadiri seramai 65 orang anggota Pengurusan Kumpulan dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

YAbns. Ketua Eksekutif semasa berucap merasmikan majlis tersebut menyatakan pendirian PKINK yang

memandang serius tentang implikasi AFTA. Konsep membuka ruang kepada negara-negara asing sememangnya bukanlah perkara baru bagi PKINK dan negeri Kelantan. Namun begitu konsep globalisasi dalam bidang perdagangan terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN berkemungkinan rumit. Banyak kemungkinan akan berlaku; isu kebebasan berdagang hingga hal kedaulatan budaya sesebuah negara akan tergugat. Yang pastinya, kita di PKINK mesti peka dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang bakal mendarat.

Taklimat AFTA kali ini telah di kendalikan sepenuhnya oleh YBhg. Dr. Mohd. Hafiah Piei, Timbalan pengarah, Malaysian Institute Of Economics Research (MIER). Sedikit sebanyak, ada maklumat dan pengalaman baru yang dapat ditimba menerusi taklimat ini. Untuk menjadikannya lebih bermanfaat, kita perlu membuat penyesuaian selaras dengan penglibatan dan peranan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negeri.



PROGRAM KEMDIRI ANGGOTA PERDANA HOTEL/RESORT

Pada 19-20 Julai, 2002, Perdana Resort PCB Beach telah mengadakan PROGRAM KEMDIRI khusus untuk anggota pengurusan Perdana Hotel/Resort (Kumpulan A & B) bertempat di Perdana Resort PCB Beach, Seramai 35 orang anggota pengurusan Perdana Hotel/Resort telah menghadiri program tersebut.

Objektif program ini diadakan ialah untuk membentuk ketahanan diri, ketenangan menghadapi cabaran, kesopanan adat-adat ketimuran serta keagamaan dan bagaimana cara membina keyakinan diri untuk menjadi seorang pemimpin yang berkualiti serta efisyen.

Program-program yang telah diatur selama dua hari itu diharap akan menjadi pemangkin dalam memperlengkapan anggota dengan kerja secara Islam yakni bekerja sambil beribadat. Ianya merupakan usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian dan bagi menjana segala usaha, kesungguhan dan kesanggupan anggota terbabit untuk membuat perubahan pada diri, keluarga dan masyarakat.

Pihak pengurusan berharap melalui program-program seperti ini bukan saja dapat memperkemasan asas dan pegangan Islam dalam diri sendiri tetapi lebih menjurus untuk melahirkan insan yang beriman dan bertaqwa di kalangan anggota Perdana Hotel/Resort.

Pihak pengurusan akan menruskan program-program seperti ini kepada anggota kumpulan Rank & File di masa akan datang.



PKINK SERTAI PAMERAN SAINS DAN TEKNOLOGI NEGERI KELANTAN 2002



Pada tanggal 8-11 Ogos 2002 di Balai Islam, Kota Bharu, Kelantan satu pameran sempena Program Penggalakkan Sains Dan Teknologi Peringkat Negeri Kelantan 2002 telah diadakan. Program tersebut merupakan program tahunan anjuran kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan Pembangunan Persekutuan dan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia.

PKINK telah turut serta dalam pameran tersebut. Pameran tersebut telah disertai oleh hampir 80 orang peserta terdiri daripada pelbagai Agensi kerajaan, Swasta, Institut Pengajian Tinggi dan juga sekolah-sekolah disekitar Kelantan. Pameran tersebut telah dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato Menteri Besar Kelantan.

PKINK NAIB JUARA PERBARISAN HARI KEBANGSAAN

KERANAMU MALAYSIA - yang telah dikekalkan sebagai tema Perayaan Bulan Kemerdekaan untuk tahun ketiga sememangnya bukan suatu gimik. Pengibaran Jalur Gemilang bukan pula satu sandiwara kosong tetapi ianya menggambarkan semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan semua warga negara. Happy Birthday Malaysia .

- Kemuncak Perayaan Bulan Kemerdekaan ialah Perbarisan Hari Kebangsaan yang diadakan di peringkat nasional dan negeri. PKINK yang sentiasa peka tidak ketinggalan untuk menyertai. Bagaimanapun penyertaan pada tahun ini dikurangkan kepada 25 orang sahaja berbanding 33 orang pada tahun-tahun sebelumnya.

Setelah dua tahun berturut-turut PKINK gagal meraih sebarang tempat penyertaan pada tahun ini, kembali melegakan. Pembentukan skuad hasil gabungan anggota pelbagai peringkat dari ibu pejabat dan syarikat-syarikat dalam kumpulan. Semangat baru telah di suntik. Kegagalan telah ditebus, menggunakan jurulatih dalaman, anggota yang terabbat telah menunjukkan kesungguhan mereka yang bukanya sekadar untuk meraih tempat tetapi sekaligus menonjolkan imej PKINK di kalangan masyarakat luar. Melangkah penuh yakin skuad PKINK telah mampu menebus kekalahan lalu dengan meraih tempat naib juara. Syabas!

MENSYUKURI DAN MENGHARGAI KEBEBASAN DARI KEMERDEKAAN INI IALAH CURAHAN KHIDMAT BAKTI YANG TIDAK BERTEPI.



GOTONG-ROYONG PERDANA MEMBERSIHKAN BANDAR KOTA BHARU

Kebersihan Sebahagian Daripada Iman dan Kota Bharu Bandar Bersih , bukanlah sekadar saranan bahkan lanya menjadi hasrat bagi semua warga yang sukakan persekitaran bersih dan suasana damai. Dalam konteks ini seramai lima puluh orang anggota PKINK telah turun padang untuk menyertai Gotong-Royong Perdana membersihkan Bandar Kota Bharu. Program yang telah diadakan pada 17 Ogos 2002 ini juga merupakan sebahagian daripada Program Perayaan Bulan Kemerdekaan Peringkat Negeri Kelantan. Selain daripada berotong-royong membersihkan kawasan bandar. Gotong-Royong Perdana 2002 telah memberi peluang untuk beramah mesra oleh lebih 1500 orang anggota dari pelbagai Jabatan dan agensi yang menyertainya.



KURSUS PENIAGA & PENJAJA KECIL PERINGKAT NEGERI KELANTAN - MODUL 2

Setelah berjaya menganjurkan kursus Peniaga Dan Penjaja Kecil - Modul 1 pada April 2002, Bahagian Usahawan PKINK menganjurkan pula Modul 2 kursus yang sama pada 3 - 4 Julai 2002 bertempat di Safar Inn, Kota Bharu. Hampir kesemua peserta yang menyertai kursus di Modul 1 telah menghadiri Modul 2 ini.


Sebagai sambungan dari modul kursus sebelumnya, Modul 2 mengandungi beberapa lagi tajuk-tajuk penting dalam pengurusan perniagaan seperti pengurusan Operasi Perniagaan, Pengurusan Sumber Manusia, Etika Perniagaan Mengikut Perspektif Islam, Teknik Memajukan Perniagaan dan Pencapaian Matlamat.

Para penceramah dari MEDEC, UiTM yang sememangnya berkelayakan dan berpengalaman luas dalam bidang masing-masing yang dikenalpasti oleh Prof. Madya Dr. Hj. Abdullah Sudin Ab. Rahman telah berjaya memberi tunjuk ajar dan pengalaman kepada para peserta kursus.

Insyah-Allah, pihak sekretariat akan berusaha agar Modul 3 akan dapat diadakan pada bulan Ogos ataupun September 2002.



SEMINAR KEUSAHAWANAN PROGRAM USAHAWANAN MUDA (PUM) UNTUK SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN HAMZAH, MACHANG



Bahagian Pembangunan Usahawan selelu Sekretariat PUM Negeri Kelantan telah melantik 6 buah sekolah lagi bagi menyertai PUM untuk sesi 2002. Setelah menganjurkan seminar PUM bagi 5 buah sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan pada awal April, pihak sekretariat telah menganjurkan seminar yang sama khusus untuk sekolah di bawah Jabatan Pendidikan iaitu SMK Hamzah, Machang. Walaupun SMK Hamzah merupakan sekolah baru yang menyertai PUM, sambutan para pelajar terhadap PUM adalah amat menggalakkan di mana seramai 60 orang pelajar telah menyertai dan tiga buah syarikat ditubuhkan.

Sebagaimana seminar-seminar PUM anjuran sekretariat sebelum ini, beberapa topik telah diatur dan disusun seperti *Tatacara Pelaksanaan PUM*, *Motivasi Keusahawanan*, *Asas Perakaunan & Kewangan Pelaksanaan PUM* dan *kONSEP PEMASARAN & PENGETUAAN SYARIKAT PUM*. Para penceramah terdiri daripada pegawai Bahagian Pembangunan Usahawan iaitu En. Rusli Ismail yang menyampaikan ceramah berkenaan *Tatacara Pelaksanaan PUM* serta *Motivasi Keusahawanan*, En. Wan Azizan Wan Yakob menyampaikan ceramah berkaitan *KONSEP PEMASARAN & PENGETUAAN SYARIKAT PUM* manakala En. Abd. Hadi pulak menyampaikan ceramah tentang *Asas Perakaunan & Kewangan Syariikat*.

Renungan...

MENGHARGAI DAN MERANGSANG RAKAN SEKERJA

Tersalah jalan berpatah balik, terlajak kata aduh bisanya . Sebagai anggota dalam sesebuah organisasi dan di PKINK pun tidaklah terkecuali bahawa kata-kata yang tidak baik, kata yang menyakitkan hati akan menggugat keakraban sesama kita. Perlu disedari bahawa kita sendiri yang menjadi penyebab atau punca kekeruhan dikalangan rakan-rakan sekerja. Kelemahan dalam berkomunikasi ketika berinteraksi dengan rakan setugas telah mendatangkan implikasi secara langsung kerana kesilapan kita memberi nasihat, gurauan apatah lagi kepada mereka yang memang mempunyai niat lantaran tak ubah laser mensiat-siat hati dan perasaan sendiri. Menganggotai PKINK sebagai sebuah organisasi yang berwawasan keadaan seumpama ini perlu dihindari kerana ianya bukan setakat mengeruhkan suasana di tempat kerja bahkan produktiviti dan kualiti kerja kita turut terjejas.

Sekiranya kita tergolong dalam kumpulan anggota yang cergas, cekap dan berkebolehan jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata yang tidak sedap di dengar oleh rakan-rakan yang tidak sehebat kita. Umpamanya mengatakan rakan kita malas, bodoh, lembab. Sebaliknya rakan kita tersebut boleh diperbaiki menerusi dorongan dan rangsangan bahawa semua yang mustahil dapat dilakukan lagi ada usaha untuk melakukannya.

Dalam menjalani tugas-tugas sehari-hari, tidak ada seseorang pun dari kalangan kita yang sanggup terperangkap dengan kesilapan dan terbelenggu dengan rasa bersalah. Hakikatnya ..biar betapa hati-hatinya seseorang kerana ingin menghindari kesilapan namun ianya terjadi jua kerana sifat azali manusia memang banyak kelebihannya. Sekiranya kesilapan ini telah dilakukan oleh rakan-rakan sekerja kita, janganlah kita ambil kesempatan untuk meratah mereka hidup-hidup. Kesilapan tersebut boleh di perbaiki. Suntikan kata-kata semangat dan dorongan yang boleh memotivasi mereka. Pasti berkesan dan bermanfaat.

Mengumpat dan mengatakan jangan sekali-kali dijadikan cara komunikasi dan berinteraksi di tempat kerja. Perkataan dan tohmahan yang tidak baik yang kita tujukan kepada rakan-rakan kita memang tak kemana. Awas dan berwaspadalah. Keburukan yang kita gambarkan dalam umpat-nista akan sampai juga ke pengetahuan rakan kita. Hubungan terjejas pasti tugas terbengkalai.

Membentuk satu suasana kerja yang ceria bukannya perkara yang mudah. Sedangkan ianya amat perlu kerana tanpa keceriaan banyak orang yang merasa tertekan justeru menganggap tugas mereka sebagai bebanan. *No talk no fun, no joke no fun* . Tidak salah untuk bersenda gurau sesama rakan sekerja kita tapi pastikan ianya tidak keterlaluan.

Emosional atau beremosi di tempat kerja perlu dielakkan sama sekali. Apabila terlalu emosional banyak perkataan yang tidak sepatutnya kita gunakan terhambur di antara sedar dan tidak. Kelangsungan dari sikap emosional kita ialah hati dan perasaan rakan-rakan kita pasti terluka.

Pada kesimpulannya, kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai oleh sesebuah organisasi adalah hasil dari sumbangan warga kerja. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan ceria. Sekiranya kita bijak, kikiskan sikap merasakan diri terlalu sempurna kerana pasti ada rakan-rakan kita yang merasa rendah diri, terhina dan terasing.

Renungilah dan hayatilah secara ikhlas.

Sajak

KEKWA

*Dalam usahaku
Meniti dan menyusuri
Kancah kehidupan
Dicelah-celah roda
Kebenaran dan kepalsuan
Menuju destinasi
Tiba-tiba kita diketemukan
Dalam taman PKINK ini*

*Kekwa
Langkahku terhenti
Menatap keindahan
Kuntum-kuntum Kekwa
Yang berwarna-warni
Dengan kelopaknya yang indah
Menyerlah setiap sudut
Induk, anak dan cucu PKINK
Wah hebat sekali*

*Kekwa
Persinggahanku tidak lama
Kerana hari-hariku
Telah meniti senja
Tapi walau sejenak cuma
Aku kagum dan bahagia
Menyaksikan kesungguhan
Menyaksikan kesetiaan
Kamu semua mewarnai taman ini
Pesanku Kekwa
Walaupun kamu silih berganti
Dari hari ke hari
Dari tahun ke tahun
Yang layu pergi
Yang mekar gah berseri
Kekalkan identiti Kekwa*

*Tunduk, sujuk dan bersyukur
Hargai masa yang diberi
Dan susuri jalan luhur
Walau penuh onak duri
Teruskan berbakti*

*Nukilan:
Z.R. ABAD
19/9/2002*


PERTANDINGAN MAKAN DURIAN

B uah-buahan sememangnya mempunyai banyak khasiat yang baik untuk kesihatan manusia tak kira sama ada buah-buahan import ataupun buah-buahan tempatan. Malaysia sesungguhnya kaya dengan pelbagai jenis buah-buahan tempatan yang boleh didapati mengikut musim masing-masing. Pada musim ini raja buah iaitu durian betul-betul menjadi. Senario ini telah memberi idea kepada Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) untuk menganjurkan Pertandingan Makan Durian di pejabat mereka di Jalan Bayam pada 25 Julai 2002 yang lalu. Para jemputan yang hadir terdiri dari anggota KPKB sendiri, anggota PKINK dan jiran-jiran yang berdekatan dengan pejabat KPKB. Turut hadir pada pertandingan tersebut ialah YAB Tuan Guru Dato Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan.

Acara pertandingan bermula dengan pendaftaran peserta pada jam 1.30 tengah hari. Seramai 12 orang peserta mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Peserta diberi masa 3 minit untuk memakan isi durian yang disediakan dan kemenangan berpihak kepada peserta yang dapat menghabiskan isi durian dengan licin dan meninggalkan bijinya sahaja. Pertandingan Makan Durian ini dimenangi oleh En. Wan Ismail Wan Sulaiman dari KPKB. Pemenang kedua ialah Eb. Kamarauzaman Osman dari DAMAI dan tempat ketiga disandang oleh En. Azuar dari Murni Marketing. Kesemua pemenang dianugerahkan hamper berisi makanan. Majlis makan pulut durian ini tamat pada jam 3 petang.



MEMANCING BERSAMA KELUARGA DI PULAU PERHENTIAN



Pada 15-16 Jamadilawal 1423, KSK PKINK di bawah Jawatankuasa Pelancongan dan Rekreasi telah menganjurkan program memancing bersama keluarga. Program yang perlama kali ini diperkenalkan mendapat sambutan yang menggalakkan dikalangan ahli-ahli, yang mana seramai 112 ahli dan keluarga telah menyertai program tersebut. Ahli-ahli telah bertolak dari jeti Kuala Besut pada 15 Jamadilawal 1423 dengan 6 buah bot laju mulai dari jam 10.00 pagi. Perjalanan memakan masa setengah jam dan semua ahli-ahli telah sampai di Pulau Perhentian sebelum jam 11.00 pagi.

Daripada jumlah diatas, seramai 34 orang ahli telah menyertai aktiviti memancing yang bermula pada jam 4.00 petang. Sebanyak 4 buah bot nelayan telah bertolak dari Pulau Perhentian menuju ke kawasan memancing. Dengan keadaan laut yang berarus deras menyukarkan aktiviti tangkapan ikan. Hasil tangkapan yang diperolehi pada hari tersebut kurang memuaskan, dimana 3 buah bot telah balik awal kira-kira jam 10.30 malam manakala sebuah bot lagi bertekad dan bertahan hingga jam 6.00 pagi.

Semasa di Pulau Perhentian, ahli-ahli telah menginap di Coral View Island Resort, dimana sebanyak 24 unit chalet telah di sewa. Di kesempatan ini ahli-ahli mengambil peluang untuk bercuti bersama-sama keluarga. Masing-masing banyak menghabiskan masa dengan bersantai dan mandi-manda bersama-sama keluarga di kejernihan air laut yang membiru dan pasir pantai yang memutih. Ada juga ahli-ahli kita yang menyewa bot laju menjelajah pulau dan menyelam di kawasan terumbu karang yang cantik dan didiami oleh pelbagai spesis ikan.

Ahli-ahli bertolak pulang pada 16 Jamadilawal 1423 mulai jam 12.00 tengah hari dan semua ahli sampai di jeti Kuala Besut sebelum jam 1.00 tengah hari. Untuk masa-masa akan datang, pihak JKPK Pelancongan dan Rekreasi akan menjadikan acara ini sebagai acara tahunan, dimana program akan dibuat pada awal tahun, yang mana pada ketika itu musim sotong bermula. Selain memancing aktiviti mencandat sotong akan diadakan.

KEKWA TERUS AKTIF

Akhir-akhir ini, pelbagai bentuk kegiatan untuk ahli-ahli wanita KSK PKINK telah dijalankan secara aktif dengan diterajui oleh Kelab Kebajikan Wanita (KEKWA) KSK PKINK.

Bermula pada 10 Jun lalu, seramai lebih kurang 30 orang ahli KEKWA telah menghadiri Bengkel Kecantikan Bersama SIRIM Berhad dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad yang diadakan di Bilik Operasi, Tingkat 10 Bangunan PKINK. Ianya diikuti dengan penyertaan seorang wakil KEKWA iaitu Puan Anizam Abdul Rahman ke Sabah pada 29 Jun - 8 Julai dalam Pesta Masakan Ala Kelantan di Hotel Marco Polo, Tawau, Sabah atas jemputan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan dengan kerjasama Tourism Malaysia Sabah dan Hotel Marco Polo.

Tidak terhenti setakat itu, pada 16 Julai pula satu Kelas Masakan KEKWA telah diadakan di bawah kendalian Puan Nor Azian Adnan, isteri Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK. Demonstrasi cara-cara membuat dan menghias Kek Ambrosia serta Puding Jagung Bersari telah berjaya menambat hati ahli-ahli KEKWA untuk menunggu ke saat akhir termasuklah menikmati juadah yang disajikan ini.

Kegiatan KEKWA terus diatur dengan menganjurkan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Kraftangan Narathiwat dan Pekan Golok pada 27 Julai dan disertai seramai lebih kurang 28 orang ahli-ahli KEKWA. Manakala pada 1 Ogos, KEKWA telah menghantar 8 orang wakil ke Majlis Pelancaran Nur Sejahtera Peringkat Negeri Kelantan & Majlis Berkenal Mesra Bersama YB Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga di Hotel Diamond Puteri.

Satu lagi aktiviti yang mendapat tarikan ramai ahli-ahli KEKWA ialah Pertandingan Gubahan Bunga Hiasan pada 20 Ogos lalu. Pertandingan yang diadili oleh Puan Hajah Zaharah Rosminah binti Amaluddin, isteri Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan Puan Norizan dari Zan's Gallery telah berjaya mencungkil bakat-bakat baru dalam seni gubahan bunga. Puan Zaiton Azhari dari Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad telah berjaya memenangi pertandingan ini dan seterusnya terpilih mewakili KEKWA ke Pertandingan Gubahan Bunga Antara Jabatan Sempena Hari Wanita Peringkat Negeri Kelantan pada 25 Ogos di Balai Islam Lundang.



PERTANDINGAN TENIS PIALA PENGURUS BESAR KELKON SDN. BHD.

Pertandingan tenis berpasukan Piala Pengurus Besar Kelkon Sdn. Bhd. telah diadakan pada 10 Ogos 2002 bertempat di Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan HUSM. Pertandingan ini telah disertai oleh seramai 30 orang pemain yang telah dibahagikan kepada 5 pasukan. Pemain-pemain yang telah mengambil bahagian adalah terdiri dari pemain-pemain yang menjadi ahli KSK PKINK dan ahli-ahli Kelab Tenis PKINK.

Pertandingan ini telah dimulakan pada tahun 2001. Piala Pusingan dan hadiah-hadiah Pertandingan telah disumbangkan oleh Kelkon Sdn. Bhd. Pertandingan telah dimulakan pada pukul 8.00 pagi dan berakhir 2.30 petang. Dalam ucapan penutup kejohanan ini Pengurus Besar Kelkon berharap pertandingan ini akan menjadi acara tahunan bagi mengeratkan silaturrahim dikalangan pemain. Pertandingan ini telah dimenangi oleh Pasukan yang diwakili oleh Tn. Hj. Ramli Abdullah, En. Wan Azman, En. Mazlan Mohd Ragam, En. Ahmad Nazri Ismail, En. Kamal Khatib dan En. Ab. Ghani Mohd Taib. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Tn. Hj. Nik Azman Dato' Mohamad, Pengurus Besar Kelkon Sdn. Bhd.

BALASUNGKAWA...

HJ. AB RASHID B IBRAHIM : 1948-2002



Tergamam. Terkedu. Itulah antara perasaan yang terlahir apabila mendapat berita kembalinya ke sisi Allah SWT seorang anggota yang selama 25 tahun bekerja dan telah banyak menaburkan khidmat bakti untuk PKINK. Tuan Haji Abdul Rashid b Ibrahim, dalam usianya yang menjangkau 54 tahun, telah menghembuskan nafas terakhir pada awal pagi Jumaat, 5 Julai 2002 di Hospital Besar Kota Bharu setelah beberapa hari dimasukkan ke wad akibat serangan stroke. Beliau meninggalkan seorang bahu, Puan Hajah Rekiah Ibrahim, anak-anak dan beberapa orang cucu.

Memulakan kerjayanya di PKINK sebagai Pembantu Pertanian pada tahun 1974 dan pernah juga dipinjamkan ke syarikat-syarikat anak seperti Syarikat Ladang Sungai Terah, Syarikat Kota Darulnaim Sdn Bhd dan terakhinya di Kelma Sdn Bhd. Jawatan terakhir beliau di PKINK ialah sebagai Pengurus Perdagangan Antarabangsa.

EN. MAHAMEED SETAPE B NURDIN: 1952-2002



Belumpun reda kesedihan ini, warga PKINK dikejutkan pula dengan kembalinya ke Rahmatullah En. Mahameed Setape b. Nurdin yang merupakan permandu kepada Pengurus Besar Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) pada 24 Julai 2002 kerana serangan sakit jantung. Menyentil Perusahaan Tembakau Kelantan (PTK) pada 1991 kemudiannya ke KPKB pada 1995. Beliau merupakan anggota yang berdisiplin dan begitu komited dengan tugas yang diamanahkan. Beliau juga seorang yang mesra dengan rakan-rakan sepejabat. Walaupun bertugas di syarikat anak, beliau turut dikenali dikalangan anggota-anggota PKINK. Allahyarham yang berasal dari Lorong Tok Gading, Jalan Hospital, meninggalkan seorang bahu Puan Zaiton Abdullah dan tiga orang cahaya mata.

Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh mereka dan ditempatkan bersama-sama orang-orang yang soleh.

Al-Fatihah.

SEMOGA AMAN BERSEMADI

KEMATIAN ADALAH LENA PANJANG ...
hanya amal jariah yang akan setia meneman

Dalam megenangi anggota-anggota Perbadanan yang telah kembali Ke Pangkuhan Ilahi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan telah mengadakan Majlis Tahlii pada 5 Jamadiulawal 1423 bertempat di Surau PKINK, Tingkat 6.

Al-Fatihah buat

Allahyarham En. Abd. Rashid Ibrahim

Allahyarham En. Wan Abd. Azian Wan Abdullah

Allahyarham En. Sidek Dollah

Allahyarham En. Nik Muhammad Nik Abd. Kadir

Allahyarham En. Mat Yaman

Allahyarham En. Ismail Salleh

Allahyarham En. Shahidan Mohamad

Allahyarham En. Abd. Ghani dan

Allahyarham En. Daud Ahmad

YBhg. Ustaz Saibon Ismail dari Jabatan Agama Islam Kelantan yang memimpin majlis tahlii kali ini telah mengingatkan anggota-anggota PKINK mengenai hidup dan kematian. Paling utama ialah tentang ganjaran sama ada pahala atau pun dosa

Salam Perkenalan.....

Pertengahan bulan Julai dan awal Ogos 2002 telah menyaksikan pertambahan warga kerja PKINK berikutan perlantikan beberapa orang pegawai kumpulan pengurusan dan anggota-anggota kumpulan sokongan. Antara mereka yang baru dilantik ialah:



Nama: Ahmad Hilmi bin Mohd Nawawi

Jawatan: Pegawai Tadbir

Penempatan: Bahagian Sumber Manusia



Nama: Mohd Roslan Mohd Zain

Jawatan: Pegawai Tadbir

Penempatan: Bahagian Pembangunan Usahawan



Nama: Tuan Mohd Faizal Tuan Sulaiman

Jawatan: Pegawai Tadbir

Penempatan: Bahagian Perancangan Korporat



Nama: Nor Azuwan Salleh

Jawatan: Akauntan

Penempatan: Bahagian Audit Dalam & Naziran



Nama: YM Tengku Noor Azlan Tengku Ismail

Jawatan: Pengalurcara Komputer

Penempatan: Bahagian MIS



Nama: Zainul Amin b Mat Zin

Jawatan: Penolong Akauntan

Penempatan: Bahagian Kewangan



Nama: Norliza Abdul Razak

Jawatan: Pembantu Tadbir (Kesetiausaha)

Penempatan: Bahagian Audit Dalam & Naziran



Nama: Wan Zuwaibah Wan Isa

Jawatan: Pembantu Tadbir (Kesetiausaha)

Penempatan: Bahagian Pembangunan Usahawan



Nama: Mohd Noor Mat Yaman

Jawatan: Pembantu Tadbir (P/O)

Penempatan: Bahagian Sumber Manusia



Nama: Sofia Aizan Che Soh

Jawatan: Pembantu Tadbir (P/O)


Penempatan: Bahagian Sumber Manusia



Nama: Norhisham Mustapha

Jawatan: Pembantu Am Rendah

Penempatan: Bahagian Sumber Manusia



Syabas dan Iahniah diucapkan atas perlantikan ini. PKINK mengalu-alukan kehadiran anda semua untuk menaburkan khidmat bakti demi untuk kegemilangan PKINK.

ari pada perbuatan dan amalan hidup sehari-hari kita. Sifat-sifat jujur dan amanah terutamanya dalam mengendalikan harta awam perlu diperlengkapsan. Sesungguhnya hisab dan balasan Allah amat adil.

Semoga diringankan azab kubur dan roh saudara-saudara kita ditempatkan di kalangan mereka yang soleh dan amanah bersemadi. Insha-Allah

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN JALAN HAMZAH DI ANTARA PKINK & LEMBAH KENCANA DEVELOPMENT SDN. BHD.



Satu majlis menandatangani perjanjian bagi pembangunan Jalan Hamzah, Kota Bharu telah diadakan pada 11 Julai 2002 lalu di antara PKINK & Lembah Kencana Development Sdn. Bhd. dengan disaksikan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah serta Anggota Pengurusan Kanan kedua-dua belah pihak.

Kemajuan projek yang bakal dilaksanakan ini merangkumi pembangunan Bazar 3 tingkat milik PKINK, hypermarket dan departmental store bagi fasa pertama serta lot-lot rumah kedai bagi fasa kedua di atas tanah seluas lebih kurang 15.71 ekar. Keseluruhan projek dijangka dapat

disiapkan dalam tempoh sudah pasti keduukannya yang strategik akan merancakkan pembangunan harta tanah, ekonomi dan pelancongan di Negeri Kelantan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk Membangun Bersama Islam.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN JALAN HAMZAH
ANTARA
PKINK DAN LEMBAH KENCANA DEV. SDN. BHD.
10 RABUANHIR-HIZ / 11 JULAI 2002

DUTA BESAR GERMAN MELAWAT PKINK



Menemuhi rangka lawatan ke negeri-negeri di Malaysia TYT Duta Besar German En. Juergen A.R Staks telah melawat negeri Kelantan pada 10 - 12 Ogos 2002. Memenuhi program lawatan tersebut, TYT Duta memilih untuk melawat PKINK pada 11 Ogos 2002. Antara tujuan dan hasrat beliau adalah untuk mendapatkan maklumat tentang peluang-peluang pelaburan untuk disampaikan kepada pelabor-pelabor German.

Ketibaan TYT Duta telah disambut oleh Pengurus-pengurus Bahagian, YAbns. Ketua Eksekutif Kumpulan telah menyampaikan taklimat mengenai struktur organisasi, struktur operatif dan peranan yang telah dimainkan oleh PKINK terutamanya penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang menjana pertumbuhan ekonomi dan keselesaan hidup masyarakat. Akhirnya TYT Duta telah diraikan dengan jamuan makan tengah hari sebelum berpisah kira-kira jam 1.30 tengah hari.

